



**SEKSYEN 4(a) AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 &
AKTA CUKAI KEUNTUNGAN HARTA TANAH 1976**

KPSB

V.

**KETUA PENGARAH HASIL DALAM NEGERI
PKCP(R) 387/2017**

 **PESURUHJAYA KHAS CUKAI PENDAPATAN**

 **DR. SYAHLIZA BINTI WARNOH**

 **29 MEI 2023**

Pembayar Cukai adalah sebuah syarikat pemegang pelaburan. Pada tahun 1994, Pembayar Cukai telah memperoleh sebidang tanah di Kuala Lumpur (“Tanah

tersebut”) daripada pemilik individu. Sebelum Tanah tersebut dilupuskan kepada Pembayar Cukai, pemilik asal Tanah tersebut telah membuat permohonan kepada Pejabat Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur untuk menukar kategori kegunaan tanah daripada *general cultivation* kepada kategori bangunan kediaman dan juga pecah lot di mana proses penukaran dan pecah lot hanya selesai dalam tahun 2001.

Pada tahun 2013, Pembayar Cukai telah melupuskan Tanah tersebut kepada sebuah syarikat berkaitan iaitu ABC Sdn Bhd yang merangkumi 12 lot tanah di bawah geran tanah yang berasingan. Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri (“KPHDN”) telah membangkitkan taksiran tambahan ke atas Pembayar Cukai bagi tahun taksiran 2014 ke atas keuntungan daripada pelupusan tanah tersebut di bawah Seksyen 4(a) Akta Cukai Pendapatan 1967 (“ACP 1967”) yang tertakluk kepada cukai pendapatan.

Pembayar Cukai berhujah bahawa keuntungan daripada pelupusan Tanah tersebut adalah tertakluk kepada Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976 (“ACKHT 1976”). Pembayar Cukai berhujah bahawa pemerolehan tanah tersebut adalah bagi tujuan pelaburan selari dengan resolusi syarikat dan juga klasifikasi Tanah tersebut sebagai *non-current asset* Pembayar Cukai dalam akaun beraudit mereka pada setiap masa. Sepanjang tempoh pegangan Tanah tersebut selama lebih 19 tahun, Pembayar Cukai tidak pernah melakukan sebarang pengubahsuaian atau modifikasi ke atas Tanah tersebut selain penukaran kategori kegunaan tanah dan pecah lot yang dibuat oleh pemilik asal Tanah tersebut.

KPHDN berhujah bahawa Pembayar Cukai mempunyai niat untuk berdagang ke atas Tanah tersebut pada masa pemerolehan Tanah tersebut dalam tahun 1994 memandangkan pada ketika itu, Pembayar Cukai mempunyai pengetahuan bahawa pemilik asal Tanah tersebut telah membuat permohonan menukar kategori tanah dan juga pecah lot. Kedudukan Tanah tersebut di tengah bandaraya Kuala Lumpur juga menaikkan nilai komersial Tanah tersebut selain fakta yang menunjukkan bahawa pelupusan tersebut dilakukan di antara dua syarikat berkaitan.

Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan (“PKCP”) membenarkan rayuan Pembayar Cukai dan memutuskan bahawa keuntungan yang diperolehi hasil daripada pelupusan Tanah tersebut adalah tertakluk kepada ACKHT 1976.

Nota Editor

- *KPHDN berhak untuk memfailkan rayuan ke atas keputusan PKCP dalam tempoh 21 hari dari tarikh keputusan diberikan.*
- *Keputusan PKCP dibacakan oleh Puan Nik Serene binti Nik Hashim bagi pihak Dr. Syahliza binti Warnoh yang telah tamat kontrak.*